A

Kamaruddin bin Abdul Talib lwn Halimah bte Hadji Talip dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1–12–793 TAHUN 2004

B

RAUS SHARIF H

3 MAC 2005

C

Acara Sivil — Penggantungan prosiding — Penggantungan sementara menunggu rayuan — Sama ada prosiding perlaksanaan penghakiman ingkar kehadiran dan prosiding garnismen patut digantung sehingga rayuan Mahkamah Tinggi didengar

Perayu dan responden-responden adalah benefisiari kepada dua bidang tanah di mana terletak sebanyak 24 buah rumah sewa. Perayu telah memungut hasil sewa rumah-rumah tersebut tetapi tidak membayar responden-responden.

D

Responden-responden telah memfailkan tuntutan saman di mahkamah sesyen. Tiada kehadiran dimasukkan oleh perayu dan satu penghakiman ingkar kehadiran telah dimasukkan ke atas perayu. Responden-responden kemudiannya telah memulakan prosiding garnismen dan telah mendapat perintah garnismen tunjuk sebab.

E

Hakim mahkamah sesyen telah menangguhkan prosiding garnismen dan membenarkan peguamcara perayu memfailkan permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar kehadiran dan seterusnya memfailkan permohonan bagi mengetepikan perintah garnismen. Kedua-dua permohonan perayu itu ditolak. Perayu telah merayu terhadap kedua-dua keputusan tersebut. Dalam masa yang sama, perayu memohon untuk satu penggantungan perlaksanaan yang dibuat di mahkamah sesyen, tetapi permohonan perayu telah ditolak oleh mahkamah sesyen.

F

Perayu memohon perintah mahkamah supaya prosiding perlaksanaan penghakiman ingkar kehadiran dan prosiding garnismen yang digantung sehingga rayuan perayu di Mahkamah Tinggi didengar dan dilupuskan secara muktamad.

G

Diputuskan, membenarkan permohonan perayu:

H

(1) Perintah yang digantung merupakan penghakiman ke atas sejumlah wang dan mahkamah selalunya tidak ada memberikan penggantungan. Tetapi di dalam kes ini, perayu telah menimbulkan beberapa isu yang harus diputuskan sebelum penghakiman dikuatkuasakan (lihat perenggan 12).

I

(2) Penghakiman yang diperoleh oleh responden-responden adalah penghakiman ingkar. Jadi merit tuntutan plaintif belum diputuskan lagi (lihat perenggan 13).

(3) Perayu telah menimbulkan isu bahawa beliau tidak pernah disampaikan saman dan penyata tuntutan. Penyerahan saman dan penyata tuntutan adalah dipertikaikan dan dengan itu perlu dibuktikan sejelasnya oleh responden-responden (lihat perenggan 14).

(4) Perayu sangsi tentang kemampuan responden-responden untuk memulangkan kembali wang yang akan digarnis jika perayu berjaya dalam rayuannya kelak. Kesangsian perayu adalah munasabah kerana responden-responden merupakan suri rumah yang berumur 60 ke 80 tahun yang tidak ada pendapatan tetap (lihat perenggan 15).

[**English summary**

The appellant and respondents were beneficiaries to two pieces of land where 24 houses were erected for rental purposes. The appellant had collected rental for the houses but had failed to pay the respondents. The respondents filed a statement of claim in the sessions court. The appellants were not present at the hearing and a judgment in default of appearance was entered against them. The respondents then initiated garnishee proceedings and had obtained a show cause garnishee order.

The sessions court judge then postponed the garnishee proceedings and allowed counsel for the appellant to file an application to set aside the judgment in default of appearance and subsequently to file an application to set aside the garnishee order. Both the applications were dismissed. The appellant appealed against both the decisions. At the same time, the appellant applied for a stay of proceedings at the sessions court, but the application was dismissed by the sessions court.

The appellant appealed for a court order that the proceedings for the judgment in default of appearance and the garnishee proceeding be stayed until the appellant's appeal to the High Court was heard and disposed of as final.

Held, allowing the appellant's application:

(1) The judgment which was stayed was a judgment against a sum of money and the court usually would not grant a stay. However in this case, the appellant had risen several issues which needed to be resolved before the judgment could be effected (see para 12).

(2) The judgment which was obtained by the respondents was a judgment in default. Therefore the merits of the plaintiff's claim had not yet been decided (see para 13).

(3) The appellant had raised the issue that there was no service of the summons and statement of claim. There was dispute as to the service of the summons and statement of claim and it had to be proven by the respondents (see para 14).

(4) The appellant was doubtful over the ability of the respondents to refund the money which was garnisheed if the appellant succeeded in its appeal. This doubt was reasonable since the respondents were house wives aged between 60 and 80 years and did not have a stable income (see para 15).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perggantungan sementara menunggu rayuan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 5582–5586.

Dirayu daripada: Saman No 3–52–12423 tahun 2000 (Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur)

Ghazali bin Nik Taib (Noor Jihan Ghazali & Co) bagi pihak responden-responden.
Noorulhuda Daud (Jeffery Wong & Lim) bagi pihak perayu.

Raus Sharif H:

[1] Melalui saman dalam kamar bertarikh 4 November 2004 di kand 6, perayu memohon perintah mahkamah ini supaya prosiding perlaksanaan penghakiman ingkar kehadiran bertarikh 2 Julai 2001 dan prosiding garnismen yang dimulakan oleh responden-responden di mahkamah sesyen, Kuala Lumpur terhadap perayu digantung sehingga rayuan perayu di Mahkamah Tinggi melalui rayuan sivil no R1–12–793 tahun 2004 dan Rayuan Sivil No R1–12–794 tahun 2004 didengar dan dilupuskan secara muktamad.

[2] Kronologi peristiwa yang membawa kepada permohonan ini adalah seperti berikut.

[3] Pada 2 Julai 2001, responden-responden telah memasuki penghakiman ingkar terhadap perayu. Tuntutan responden-responden adalah atas sejumlah wang sebanyak RM231,200 yang merupakan sebahagian daripada hasil kutipan sewa ke atas 24 buah rumah sewa.

[4] Perayu dan responden-responden adalah adik beradik dan adalah benefisiari kepada harta peninggalan Hjh Zainab bte Mohd Taib yang telah meninggal dunia pada 3 Julai 1988 ('simati'). Antara harta peninggalan simati adalah dua bidang tanah yang dikenali sebagai Lot 2491 dan 2504. Di atas lot ini, simati telah mendirikan sebanyak 24 buah rumah sewa. Mengikut perintah pembahagian harta secara faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, perayu mendapat $^{2}/_{8}$ bahagian dan responden-responden mendapat $^{1}/_{8}$ bahagian daripada harta peninggalan simati.

[5] Perayu telah memungut hasil sewa rumah-rumah tersebut. Berdasarkan perintah pembahagian secara faraid ini, responden-responden menuntut sebahagian daripada jumlah hasil sewa yang telah dipungut oleh perayu sebanyak RM231,200 setakat 30 Oktober 2000.

[6] Perayu tidak membayar responden-responden. Jadi responden-responden telah memfailkan tuntutan saman di mahkamah sesyen. Tiada kehadiran dimasukkan oleh perayu dan akibatnya satu penghakiman ingkar kehadiran telah dimasukkan ke atas perayu pada 2 Julai 2001.

[7] Responden-responden kemudiannya telah memulakan prosiding garnismen dan telah mendapat perintah garnismen tunjuk sebab pada 20Disember 2002.

[8] Pada 3 Mac 2003, hakim mahkamah sesyen telah menangguhkan prosiding garnismen tersebut dan membenarkan peguamcara perayu memfailkan permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar kehadiran yang dimasukkan oleh responden-responden pada 2 Julai 2001 serta seterusnya memfailkan permohonan bagi mengetepikan perintah garnismen bertarikh 20Mac 2002.

[9] Pada 17 September 2004, hakim mahkamah sesyen telah menolak kedua-dua permohonan perayu tersebut. Jadi perayu telah merayu terhadap kedua-dua keputusan tersebut. Dalam masa yang sama, perayu memohon untuk satu penggantungan perlaksanaan yang dibuat di mahkamah sesyen, tetapi permohonan perayu telah ditolak pada 26 Oktober 2004 oleh mahkamah sesyen.

[10] Berikutan dengan penolakan untuk perintah penggantungan perlaksanaan tersebut perayu membuat permohonan ini seperti di kand 6.

[11] Saya telah membenarkan permohonan perayu seperti di kand 6. Dalam membuat keputusan tersebut, saya sedar bahawa perintah yang digantung merupakan penghakiman ke atas sejumlah wang dan Mahkamah selalunya tidak ada memberikan penggantungan. Tetapi di dalam kes ini, perayu telah menimbulkan beberapa isu yang harus diputuskan sebelum penghakiman dikuatkuasakan.

[12] Pertamanya penghakiman yang diperoleh oleh responden-responden adalah penghakiman ingkar. Jadi merit tuntutan plaintif belum diputuskan lagi.

[13] Keduanya perayu telah menimbulkan isu bahawa beliau tidak pernah disampaikan saman dan penyata tuntutan. Penyerahan saman dan penyata tuntutan adalah dipertikaikan dan dengan itu perlu dibuktikan sejelasnya oleh responden-responden.

[14] Akhirnya, perayu sangsi tentang kemampuan responden-responden untuk memulangkan kembali wang yang akan digarnis jika perayu berjaya dalam rayuannya kelak. Kesangsian perayu adalah munasabah kerana responden-responden merupakan suri rumah yang berumur 60 ke 80 tahun yang tidak ada pendapatan tetap.

A **[15]** Atas alasan-alasan tersebut di atas, saya membenarkan permohonan perayu seperti di kand 6.

Permohonan perayu dibenarkan.

Dilaporkan oleh D Nesh

B

C

D

E

F

G

H

I